

10) ISU PEMINDAHAN HAKMILIK RUMAH DI LESTARI PUTRA DAN SAUJANA PUCHONG TIDAK SELESAI

Adun : Y.B. Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi@Azmi (N29 Seri Serdang)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

- a) Isu ini gagal diselesaikan disebabkan pemaju telah bankrap dan dilantik *liquoudator*. Namun masalah tidak selesai. Apa pendirian dan peranan Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah pemindahan hak milik ini yang telah berlarutan lebih 20 tahun?**

Untuk makluman Yang Berhormat, hakmilik individu melibatkan pembangunan di Lestari Putra dan Saujana Puchong telah didaftarkan kepada Lestari Puchong Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, Lestari Puchong Sdn Bhd telah dikenakan perintah pengulungan pada 12 Ogos 2015 dan di bawah tanggungjawab pelikuidasi yang dilantik iaitu Tetuan HLB Ler Lum Advisory Services Sdn Bhd menyebabkan proses pindahmilik hakmilik kepada pembeli (*perfection*) tergendala.

Seharusnya, pihak pelikuidasi bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyelesaikan isu hakmilik individu tersebut bersama pembeli terlibat. Untuk penyelesaian isu pindahmilik ini, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) bersama Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sedia untuk bertindak sebagai pemudahcara bagi mendapatkan persetujuan semua pihak bagi menyelesaikan isu pindahmilik hakmilik individu yang berkenaan.